



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel : 06-2895000  
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207  
Web : [www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka](http://www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka)

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12(37)  
Tarikh : 20 Julai 2023  
Bersamaan : 2 Muharam 1445H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Di bawah seliaan JANM Melaka.**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.35/2023/P : SEMAKAN CAPAIAN PENGGUNA DAN HAD  
KUASA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan Arahan Kerja Bil.26/2023/P : Borang Permohonan Capaian Pengguna dan Had Kuasa Pusat Tanggungjawab (PTJ) KEW.290E-01 – PIN.1/18 bertarikh 15 Mei 2023 adalah berkaitan.

2. Seperti yang YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2018 : Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (Arahan Perbendaharaan 11), menyatakan secara terperinci berkaitan dengan penurunan kuasa oleh Pegawai Pengawal. Ia juga menetapkan hanya pegawai yang diberi kuasa sahaja boleh mempunyai capaian di Portal iGFMAS.

3. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pengguna di Portal iGFMAS adalah pegawai yang masih berkhidmat di PTJ masing-masing. Tindakan pengisian borang KEW.290E-01 – PIN.1/18 dan log insiden melalui iGFMAS Service Desk / SOLMAN perlu diambil bagi kakitangan berikut untuk tindakan lanjut Jabatan ini. Rujuk **Lampiran A** carta alir permohonan capaian pengguna dan had kuasa Pusat Tanggungjawab (PTJ);-

- 3.1 Bersara;
- 3.2 Meninggal Dunia;
- 3.3 Berhenti kerja;
- 3.4 Dibuang kerja;
- 3.5 Berpindah keluar; dan
- 3.6 Tidak menjalankan sebarang tugas di Portal iGFMAS

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12(37)

4. Diingatkan agar semua pemegang token di PTJ mematuhi Arahan Perbendaharaan 70(c) seperti di bawah dan memberi peringatan ini kepada semua pegawai yang berkaitan di PTJ masing-masing:-

'Dalam persekitaran elektronik di mana peranti/alat tandatangan digital digunakan, pengguna hendaklah menyimpan selamat peranti/alat tandatangan digital tersebut dan tidak boleh sama sekali memberikan peranti/alat tersebut kepada orang lain'.

5. Perhatian dan kerjasama daripada YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***'Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan'***

Saya Yang Menjalankan Amanah,



**[SHABIBAH BINTI BACHOK (C.A.(M), CPA(Aust.))]**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

LAMPIRAN A

**CARTA ALIR PERMOHONAN CAPAIAN DAN HAD KUASA  
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

